



PASUKAN LATIHAN NEGARA

Pasukan Latihan Negara dalam kepengakapan adalah jawatankuasa yang bertujuan untuk melatih, membimbing dan membantu perkembangan pengetahuan, kemahiran dan potensi ahli dewasa dan muda dalam organisasi. Cara-cara seperti Latihan, kursus, bengkel serta seminar yang dianjurkan oleh Pasukan Latihan melibatkan aktiviti Pembangunan dewasa yang ingin mendapatkan pengetahuan dan pembelajaran. Aktiviti yang terbabit adalah seperti Kemahiran hidup serta Kemahiran kepengakapan, kepimpinan, pengurusan, komunikasi, pengurusan risiko, pengurusan selamat dari bahaya dan lain-lain.

Struktur Jawatankuasa Pesuruhjaya dalam Pasukan Latihan Negara

Penasihat Utama : Ketua Pengakap Negara

Penasihat : 1) Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara

Tuan Dr Mohammed Mukyuddin bin Sarwani

Penasihat : 2) Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara (Bhg Program & Latihan)

Tuan Ts. Mohd. Hilmi bin Abu Bakar

Pesuruhjaya Latihan Negara: Dr. Ekbert Yong Yen Loong

Setiausaha Latihan Negara: Zahrulhuda binti Dato' Kamarudin

Pesuruhjaya Kebangsaan (Pengakap Raja, BPA, ARP & SWA)

Mohd Fadzil bin Mohd Yusop

Pesuruhjaya Kebangsaan (Manikayu, CALT & CLT)

Dr. Emily Lim Yiet Im

Pesuruhjaya Kebangsaan (Dokumentasi & Sumber Maklumat)

Muhammad Hilmi Hazwan bin Abdul Aziz

Pesuruhjaya Kebangsaan (Pembangunan Insania Dewasa & Selamat dari Bahaya)

Lee Shang Shi

Pesuruhjaya Kebangsaan (Sumber Maklumat IT)

Faizal bin Abdul Rahim

Penolong Pesuruhjaya Kebangsaan/Pesuruhjaya Ibupejabat Kebangsaan & Ahli think tank PLN
(Bahagian Pengakap Raja, BPA, ARP & SWA)

- 1) Rodyisnansyah bin Julaihi
- 2) Teoh Kheng Lin
- 3) Loo Wen Khang (Ahli Muda Think Tank)
- 4) Abdul Fatah Amir Abdul Halim (Ahli Muda Think Tank)

(Manikayu, CALT & CLT)

- 1) Dr. Sia Zhen Ni PIPK
- 2) Choong Poh Yee PIPK
- 3) Jaclyn Heng Wei Yii (Ahli Muda Think Tank)

(Dokumentasi & Sumber Maklumat)

- 1) Norhidayati binti Derman PIPK
- 2) Dr. Lysandra Phoo Li Shan PIPK
- 3) Kooh Jhi Ying (Ahli Muda Think Tank)

(Pembangunan Insania & Selamat dari Bahaya)

- 1) Kapt. Vijandran A Mariappan PIPK
- 2) Hairul Azahar bin Said
- 3) Edward Lee Way Yang (Ahli Muda Think Tank)
- 4) Asma Arina binti Zainal Rashid (Ahli Muda Think Tank)

Setiausaha Eksekutif Latihan

Mohd. Azri bin Ramli

Penolong Setiausaha Eksekutif Latihan

Zul Atif bin Md Radyuwan

DISKRIPSI TUGAS-TUGAS PESURUHJAYA KEBANGSAAN & PENOLONG PESURUHJAYA KEBANGSAAN BAHAGIAN LATIHAN KEBANGSAAN

SETIAUSAHA LATIHAN NEGARA

Tugas Utama:

1. Pentadbiran & Pengurusan Mesyuarat:
 - Menyelaras dan menyediakan dokumen rasmi seperti surat panggilan, agenda, dan minit mesyuarat Pasukan Latihan Kebangsaan.
 - Memastikan semua keputusan mesyuarat direkod, diedarkan dan dilaksanakan dengan tepat.
2. Penyelarasan Program Latihan:
 - Menyusun jadual latihan kebangsaan dan membantu menyelaraskan dengan program peringkat negeri dan daerah.
 - Menjadi pusat komunikasi antara pihak berkepentingan dalam merancang dan melaksanakan latihan.
3. Penyimpanan Rekod & Dokumentasi:
 - Menyimpan semua dokumen rasmi berkaitan latihan, termasuk laporan aktiviti, senarai kehadiran, sijil, dan bahan rujukan.
 - Mengemaskini direktori jurulatih kebangsaan, negeri dan calon jurulatih.
4. Komunikasi & Hubungan Luar:
 - Menjadi penghubung antara Pasukan Latihan Kebangsaan dan pihak luar seperti Ibu Pejabat, Jawatankuasa Latihan Serantau, serta organisasi berkaitan.
 - Membantu dalam penyaluran maklumat latihan kepada semua pemimpin melalui saluran rasmi.
5. Sokongan kepada Pengerusi Pasukan Latihan Negara:
 - Memberi sokongan dalam perancangan strategik dan pelaporan berkala kepada Majlis Tertinggi atau Majlis Pengakap Negara.
 - Menyediakan laporan prestasi latihan dan cadangan penambahbaikan untuk dipertimbangkan oleh kepimpinan tertinggi.

PESURUHJAYA-PESURUHJAYA KEBANGSAAN

1. Setiausaha Latihan Negara (Pentadbiran Kepimpinan Dewasa)

Tugas & Tanggungjawab:

- Menyemak, Mengurus data dan rekod latihan pemimpin dewasa termasuk pensijilan dan pengiktirafan jurulatih.
- Menyediakan minit mesyuarat-mesyuarat Pasukan Latihan Negara dan mengikut dasar dan prosedur standard berkaitan latihan dan pembangunan kepimpinan.
- Membantu menyelia pelaksanaan sistem penilaian prestasi jurulatih dan penyelaras latihan.
- Bertindak sebagai penghubung antara negeri dan peringkat kebangsaan dalam hal pentadbiran latihan.
- Menyediakan laporan statistik berkaitan pelaksanaan latihan di peringkat kebangsaan.
- Menyusun strategi penyampaian latihan yang responsif berdasarkan data dan maklum balas peserta kursus.
- Menjalankan audit kualiti latihan secara tahunan dan menyelaras pembetulan serta penambahbaikan berasaskan penilaian impak.

2. Pesuruhjaya Kebangsaan (Kursus Latihan Manikayu, Kursus CALT & CLT Kepimpinan Dewasa)

Tugas & Tanggungjawab:

- Merancang, menyelaras dan melaksanakan isi kandungan Kursus Latihan Manikayu, Kursus CALT (Course for Assistant Leader Trainers) dan Kursus CLT (Course for Leader Trainers) di peringkat kebangsaan yang selaras dengan APR & WOSM.
- Menyelia pelaksanaan kurikulum dan taraf latihan agar sejajar dengan garis panduan WOSM dan Persekutuan Pengakap Malaysia.
- Menjadi rujukan kepada pasukan Jurulatih (Training Team) berkaitan hal ehwal latihan dewasa.
- Menganalisis dan menilai keberkesanan setiap kursus, serta mencadangkan penambahbaikan yang berterusan.
- Menyediakan dan menyelaras modul latihan serta bahan sokongan untuk digunakan dalam kursus.

- Membina modul latihan yang berfokus kepada kemahiran kepimpinan, fasilitasi, dan mentor.
- Memastikan kesinambungan latihan dari peringkat asas hingga lanjutan.
- Menganalisis keperluan latihan semasa dan mencadangkan inovasi program.

3. Pesuruhjaya Kebangsaan (Pembangunan Insaniah Dewasa & Selamat dari Bahaya)

Tugas & Tanggungjawab:

- Membangunkan dan melaksanakan program latihan pembangunan insaniah bagi pemimpin dewasa dalam kepengakapan.
- Menyediakan modul latihan yang berfokus kepada etika kepimpinan, kesedaran sendiri, komunikasi efektif dan pengurusan emosi.
- Menyelaraskan inisiatif berkaitan keselamatan dan perlindungan ahli Pengakap (Safe from Harm) selaras dengan dasar WOSM yang akan disebarkan kepada semua yang terlibat dalam pengakap.
- Melatih pemimpin dewasa mengenai perlindungan kanak-kanak dan mekanisme aduan.
- Menjadi pegawai rujukan dalam memastikan semua aktiviti latihan memenuhi standard keselamatan dan etika.
- Membangun, menyemak, dan mengemas kini bahan-bahan latihan, buku panduan, dan sumber digital untuk pemimpin dewasa.
- Meneroka penggunaan teknologi dalam penyampaian latihan (e-learning, video tutorial, aplikasi dsb).
- Menyediakan bahan promosi dan sokongan untuk mempertingkatkan penyertaan latihan.
- Bekerjasama dengan pakar pendidikan dan jurulatih untuk menghasilkan kandungan latihan yang berkualiti tinggi.
- Membangunkan "Trainer Toolkit for Emotional Safety" dalam bentuk digital dan interaktif.
- Menyusun program "Train the Trainer" untuk perlindungan kanak-kanak secara berperingkat (basic, intermediate, advanced).
- Melakukan penilaian risiko program latihan bersama pasukan pematuhan dasar organisasi.

4. Pesuruhjaya Kebangsaan (Dokumentasi & Sumber Maklumat)

Tugas & Tanggungjawab:

- Menyelaras penyediaan, pengemaskinian dan penyimpanan semua dokumentasi rasmi latihan seperti buku rujukan, silibus, modul, dan garis panduan untuk latihan.
- Membangunkan sistem arkib yang sistematik dan mudah diakses untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
- Mengurus penerbitan bahan latihan, termasuk buku panduan, laporan kursus dan manual latihan.
- Memastikan semua bahan dokumentasi mematuhi dasar dan piawaian PPM serta relevan dengan perkembangan semasa.

5. Pesuruhjaya Kebangsaan (Sumber Maklumat IT)

Tugas & Tanggungjawab:

- Membangunkan dan menyelenggara sistem pengurusan latihan secara digital seperti pangkalan data peserta, kursus dan pelatih.
- Menyediakan platform dalam talian untuk kursus, e-learning dan pengesanan pencapaian latihan.
- Memastikan penyampaian maklumat latihan melalui media digital dan laman rasmi latihan dikemaskini dan mesra pengguna.
- Memberi sokongan teknikal kepada pasukan latihan kebangsaan dalam penggunaan IT untuk latihan.
- Membangun dashboard pemantauan latihan untuk kegunaan kepimpinan kebangsaan.

6. Pesuruhjaya Kebangsaan (Latihan Dewasa untuk Lembaga Penaraf & Anugerah Pengakap Tinggi)

(Merangkumi: Lembaga Penaraf Pengakap Raja, Lembaga Penilai Baden-Powell Award, Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda, Scout of the World Award)

Tugas & Tanggungjawab:

- Merancang dan menyelaras program latihan khusus bagi ahli lembaga penaraf dan penilai anugerah utama pengakap serta kursus penaraf dan kursus penilai.
- Menyokong dan melatih pemimpin dewasa dalam proses bimbingan pencapaian anugerah tertinggi belia (contoh: Pengakap Raja, Anugerah Ketua Negara).

- Menyediakan garis panduan dan sumber rujukan kepada pemimpin dalam melaksanakan proses penilaian dan sokongan.
- Menganjurkan bengkel, seminar, dan sesi orientasi berkaitan pencapaian dan pembangunan pengakap.
- Membangunkan rangkaian mentor dan pakar untuk memperkukuh bimbingan calon anugerah.
- Memastikan ahli lembaga memahami peranan dan tanggungjawab mereka dalam proses penilaian.
- Menganjurkan bengkel dan kursus peningkatan keupayaan untuk panel penilai di peringkat kebangsaan dan negeri.
- Menjadi penghubung antara jawatankuasa latihan dan lembaga penaraf dalam hal-hal berkaitan garis panduan dan pelaksanaan penilaian.

Berikut ialah deskripsi tugas dan tanggungjawab bagi jawatan-jawatan **Pesuruhjaya Ibu Pejabat Kebangsaan Bahagian Latihan** dalam pelbagai portfolio di bawah Persekutuan Pengakap Malaysia.

Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Ibupejabat Kebangsaan

Tanggungjawab umum.

Setiap Pesuruhjaya Ibupejabat Kebangsaan bertanggungjawab kepada Pesuruhjaya Latihan Negara dan Pesuruhjaya Kebangsaan bahagian yang ditugaskan kepada mereka.

- Melaksanakan tanggungjawab selaras dengan perlembagaan, dasar dan pelan strategik Persekutuan Pengakap Malaysia (PPM).
- Menyokong objektif strategik organisasi dalam bidang tanggungjawab yang telah ditetapkan.
- Membantu Pesuruhjaya Kebangsaan dan Jawatankuasa Teknikal dalam merancang dan melaksanakan program, latihan atau inisiatif kebangsaan.
- Bertindak sebagai penyelarass aktiviti bagi portfolio masing-masing.
- Menjadi rujukan dan penasihat teknikal dalam bidang tugas yang diamanahkan.

- Membantu menyediakan pendekatan profesional kepada jawatankuasa Latihan kebangsaan dan negeri yang memerlukan sokongan.

Deskripsi Tugas-Tugas Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Ibupejabat Kebangsaan

PIPK – Kursus Latihan Manikayu, CALT & CLT

Tugas:

- Membantu merancang dan melaksanakan Kursus Manikayu, CALT dan CLT di pelbagai peringkat.
- Menjadi fasilitator atau jurulatih utama dalam kursus mengikut bidang kepakaran.
- Menyelia urusan logistik, penyampaian bahan, dan pemantauan semasa kursus berjalan.
- Membantu menyediakan laporan kursus dan cadangan penambahbaikan kepada Pesuruhjaya Kebangsaan.
- Menyimpan rekod pelatih, pelatih kursus, dan keperluan latihan lanjut.

2. PIPK – Dokumentasi & Sumber Maklumat

Tugas:

- Mengumpul dan menyusun dokumentasi kursus, modul latihan dan laporan aktiviti.
- Mengemaskini fail digital dan fizikal berkaitan latihan mengikut tahun.
- Membantu dalam penyediaan laporan statistik latihan.
- Menyediakan template laporan, borang pendaftaran, dan sijil penyertaan.
- Memastikan segala bahan latihan yang digunakan adalah versi terkini.

3. PIPK – Pembangunan Insaniah Dewasa & Selamat dari Bahaya

Tugas:

- Membantu dalam pembangunan dan penyampaian modul pembangunan sahsiah dan kepimpinan dewasa.
- Melaksanakan sesi latihan berkaitan etika, integriti dan pengurusan emosi dalam kursus.
- Menjadi focal person dalam menyebarkan kesedaran tentang dasar “Selamat Dari Bahaya” (Safe from Harm).

- Mengendalikan sesi taklimat atau latihan khas mengenai pencegahan gangguan dan perlindungan ahli.
- Menyelia laporan atau aduan berkaitan keselamatan peserta kursus (jika ada).

4. PIPK – Sumber Maklumat IT

Tugas:

- Mengurus sistem digital pendaftaran kursus, rekod kehadiran dan data pelatih.
- Menyediakan platform digital (seperti Google Drive, e-Learning Portal) untuk kegunaan peserta dan pelatih.
- Mengemaskini maklumat kursus dan latihan di media sosial rasmi atau laman sesawang.
- Menyediakan bahan tayangan (PowerPoint, video, grafik) untuk penyampaian dalam kursus.
- Menyelesaikan isu teknikal semasa pelaksanaan kursus berasaskan teknologi.

5. PIPK – Latihan Dewasa untuk Lembaga Penaraf & Anugerah Pengakap Tinggi

Tugas:

- Menyokong pelaksanaan bengkel atau taklimat untuk panel penilai/penaraf anugerah seperti Pengakap Raja, Baden-Powell, ARPRM dan SWA.
- Menjadi penyelaras bahan latihan dan kriteria penilaian terkini.
- Menyediakan dokumentasi pemarkahan, rubrik dan panduan penilaian.
- Menyumbang sebagai fasilitator atau jurulatih dalam sesi latihan penaraf.
- Membantu dalam proses pemantauan dan audit penarafan/anugerah.

Deskripsi Tugas-Tugas Ahli-Ahli Pasukan Latihan Khas (Think Tank)

Tugas Umum Ahli Pasukan Latihan Khas (Think Tank):

1. Merancang dan Menggubal Modul Latihan:

- Membantu menggubal kurikulum dan modul latihan bagi semua peringkat pengakap dan pemimpin.
- Menyemak dan mengemas kini bahan latihan agar relevan dengan keperluan semasa.

2. Menjadi Rujukan Kepakaran:

- Bertindak sebagai pakar rujuk dalam hal-hal latihan, kepimpinan, kejurulatihan dan pembangunan program.

3. Menyokong dan Menilai Program Latihan:

- Memberi sokongan kepada pelaksanaan kursus-kursus kebangsaan dan negeri.
- Menilai keberkesanan kursus dan mencadangkan penambahbaikan.

4. Membina Polisi Latihan Jangka Panjang:

- Mencadangkan dasar dan strategi latihan jangka panjang untuk pembangunan pemimpin dan ahli pengakap.

5. Melakukan Penyelidikan dan Kajian:

- Menjalankan penyelidikan untuk mengenal pasti keperluan latihan serta keberkesanan program sedia ada.

6. Menganjurkan Bengkel dan Seminar:

- Merancang dan melaksanakan bengkel atau seminar berkaitan kepimpinan, pedagogi dan kemahiran teknikal pengakap.

7. Menjadi Pemangkin Inovasi:

- Menggalakkan penggunaan pendekatan baru dalam latihan seperti teknologi digital, pembelajaran sendiri, dan pembelajaran berasaskan projek.

8. Menjalinkan Kerjasama Strategik:

- Menjalinkan hubungan dengan badan latihan lain, institusi pendidikan atau organisasi luar untuk memperkukuh sistem latihan.

Tanggungjawab Ahli Pasukan Latihan Khas (Think Tank):

1. Menyediakan Cadangan Strategik Latihan

- Merancang dan mencadangkan dasar latihan kebangsaan yang berkesan dan relevan.
- Membangun hala tuju latihan jangka pendek dan panjang selaras dengan visi dan misi PPM.

2. Menyemak & Menggubal Kurikulum Latihan

- Menggubal, menyemak dan memperbaharui silibus serta bahan latihan bagi semua peringkat (Pemimpin, Pengakap Muda, Remaja, Raja, dan Kelana).
- Memastikan kurikulum selaras dengan perkembangan semasa dan keperluan global pengakap.

3. Memberi Nasihat Kepakaran

- Menjadi penasihat kepada Lembaga Latihan Kebangsaan dan Jawatankuasa PPM dalam hal-hal berkaitan latihan dan pembangunan kepimpinan.
- Memberi pandangan profesional berdasarkan kajian dan pengalaman.

4. Membangunkan Modul Inovatif

- Menghasilkan modul latihan baharu yang kreatif, interaktif dan berkesan.
- Mengadaptasi teknologi dan kaedah pembelajaran moden ke dalam latihan pengakap.

5. Membuat Penilaian & Kajian Keberkesanan

- Menilai pelaksanaan kursus dan program latihan.
- Menyediakan laporan kajian, data dan analisis untuk tujuan penambahbaikan.

6. Menyelaras Kerjasama dengan Agensi Luar

- Menjalin hubungan dan kerjasama strategik dengan institusi latihan, agensi kerajaan, NGO, dan organisasi kepimpinan lain.
- Mewakili PPM dalam perbincangan latihan peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

7. Menggalakkan Profesionalisme Jurulatih, Penaraf & Penilai

- Menyokong pembangunan profesional jurulatih, penaraf & Penilai pengakap.

- Mencadangkan struktur latihan lanjutan untuk jurulatih agar penaraf & Penilai pengakap berterusan meningkatkan kompetensi .

8. Membantu Latihan, Seminar & Bengkel

- Membantu, Menyokong, Menganjur dan mengendalikan bengkel pembangunan latihan, kolokium, forum atau bengkel sesi pemikiran strategik (strategic thinking sessions).

9. Mengemaskini Dokumen & Polisi Latihan

- Menyediakan garis panduan, SOP, dan dokumentasi rasmi berkaitan latihan.
- Memastikan semua dokumen selari dengan kehendak Persekutuan Pengakap Dunia (WOSM).